

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1982

TATACARA DASAR PENUKARAN SYARAT TANAH (PADI KEPADA BANGUNAN) DALAM KAWASAN LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberi panduan kepada Pemungut-Pemungut Hasil Tanah sebagai dasar dan tatacara yang akan diikuti apabila memproses dan membuat perakuan-perakuan berhubung dengan permohonan penukaran syarat tanah (Padi kepada Bangunan) dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

2. Setelah mengkaji dan menimbang Kertas MMK Bil. 20/589/81(6), Pihak Berkuasa Negeri telah bersetuju bahawa untuk memelihara kepentingan tanah padi dalam kawasan KADA serta memperhitungkan pula masalah perkembangan pusat-pusat pertumbuhan serta pulangan ekonomi kepada pemilik-pemilik tanah, maka sebarang permohonan untuk penukaran syarat tanah (Padi kepada Bangunan) dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) hendaklah terlebih dahulu dirujukan kepada Pihak KADA untuk mendapatkan ulasan dan pandangan agensi tersebut.

3. Dalam hubungan ini tatacara dan dasar penukaran syarat tanah (Padi kepada Bangunan) yang diproses dan diperakukan itu hendaklah mengikut tatacara seperti berikut:-
- (i) Pemohonan untuk mengubah syarat 'tanah padi' dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) kepada bangunan atau perumahan hanya akan ditimbang bagi kawasan-kawasan yang terletak dalam kawasan sekitar (radius) 1.5 kilometer dari pusat-pusat pertumbuhan yang tersebut dalam perenggan 4 di bawah.
 - (ii) Permohonan untuk mengubah syarat 'tanah padi' yang terletak diluar kawasan 1.5 kilometer daripada pusat-pusat pertumbuhan itu bolehlah ditimbang mengikut merit bagi satu-satu kes, hanya jika tanah itu didapati tidak sesuai untuk tanaman padi atau alasan-alasan lain yang munasabah.
 - (iii) Semua permohonan untuk mengubah syarat tanah ini hendaklah dirujukan jua kepada jabatan/ajensi lain yang berkenaan untuk mendapatkan pandangan teknikal.
 - (iv) Syarat-Syarat berikut hendaklah dikenakan:-
 - (a) Pembinaan rumah-rumah kediaman berhampiran dengan pengairan atau saliran hendaklah sekurang-kurangnya 10 hingga 20 meter daripada kawasan rezab taliair atau rezab saliran(parit)

- (b) Air buang dari kawasan-kawasan perumahan yang akan dimajukan itu tidak sekali-kali dibenarkan penyalurannya ke dalam tali air atau parit KADA atau ke kawasan bendang padi yang bersempadan atau berhampiran.
 - (c) Pelan cadangan perparitan dalam kawasan perumahan itu hendaklah dipersetujui oleh pihak KADA terlebih dahulu sebelum diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
4. Sila ambil perhatian bahawa-bahawa pusat-pusat pertumbuhan yang telah dicamkan setakat ini untuk tujuan Pekeliling ini adalah seperti berikut:-
- (i) Jajahan Kota Bharu
 - a) Wakaf Che Yeh
 - b) Kedai Melor
 - c) Kedai Peringat
 - (ii) Jajahan _Pasir Mas
 - a) Bandar Pasir Mas
 - (iii) Jajahan Tumpat
 - a) Wakaf Bharu
 - (iv) Jajahan Pasir Puteh
 - a) Kedai Selisinng.

5. Semua Pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini diminta mengambil perhatian kepada tatacara dasar penukaran syarat tanah dalam kawasan KADA seperti tersebut dalam Pekeliling ini dan mematuhiinya.

Saya yang menurut perintah

t.t

(Ab.Hamid Bin Hj. Abu Bakar)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

EDARAN KEPADA :

Semua PHT / Ketua Jajahan

Pengurus Besar KADA

Pengarah Perancang Bandar dan Desa

Pengarah Jabatan Parit dan Taliair

Yang Dipertua MPKB

Yang Dipertua Majlis Daerah

Pengarah J.K.R

Pengarah Pertanian

Pengurus PKU

Pengarah UPEN

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

**FAIL : PTG.(KN.) 6680/(15)
BERTARIKH : 5HB. JANUARI 1982**